

**Kempen UOBM Visa Infinite Perkhidmatan Limosin Tanpa Caj di Singapura
Terma & Syarat**

United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809-K) ("UOBM") sedang menganjurkan "Kempen Perkhidmatan Limosin Tanpa Caj di Singapura" ("Kempen") dari 15 Julai sampai 31 Disember 2019 (termasuk kedua-dua tarikh) kecuali dimaklumkan oleh UOBM sebaliknya ("Tempoh Kempen").

Kelayakan

1. Kempen ini dibuka kepada semua Ahli Kad Kredit UOBM Visa Infinite UOBM utama ("Ahli Kad") yang memegang Kad Kredit Visa Infinite UOBM, Kad Kredit Privilege Banking Visa Infinite UOBM atau Kad Kredit Visa Infinite Metal UOBM ("Kad") yang dikeluarkan di Malaysia.
2. Individu-individu yang berikut tidak layak menyertai Kempen ini:
 - (a) Ahli-ahli kad yang akaun(-akaun) ditamatkan, digantung atau ditutup dalam Tempoh Kempen;
 - (b) Akaun(-akaun) dengan UOBM yang dikendalikan dengan cara yang tidak memuaskan atau delikuen seperti yang ditentukan oleh UOBM dengan budi bicara mutlakanya; dan
 - (c) Individu yang tidak siuman atau menjadi tidak siuman, meninggal dunia, dihukum bankrap atau mempunyai prosiding undang – undang dalam apa-apa bentuk yang dilaksanakan terhadap mereka.

Mekanik Kempen

3. Ahli Kad yang memenuhi perbelanjaan minimum Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000), kecuali bagi perkara yang dinyatakan di bawah ("Perbelanjaan Layak"), dalam satu atau kumulatif transaksi layak dalam Tempoh Kempen untuk menebus SATU (1) perkhidmatan limosin ("Perkhidmatan Limosin") di Singapura. Penebusan Perkhidmatan Limosin mesti dibuat dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh transaksi Perbelanjaan Layak yang direkodkan dalam sistem kad kredit UOBM ("Tempoh Kelayakan"). Sekiranya Perbelanjaan Layak dibuat daripada transaksi kumulatif, Tempoh Kelayakan hanya sah bermula daripada tarikh transaksi yang pertama dalam transaksi kumulatif. Untuk mengelakkan keraguan, setiap penebusan Servis Limosin berhak kepada Satu (1) Servis Limosin, tanpa mengira jumlah Perbelanjaan Layak.

Senario:

Perbelanjaan Kelayakan Ahli Kad A sebanyak RM11,700 dibuat daripada tiga (3) transaksi kumulatif pada tarikh-tarikh berikut, seperti yang ditunjukkan dalam jadual A:

Jadual A

Tarikh	Amaun Perbelanjaan Layak (RM)
8 Ogos 2019	3,500
15 Ogos 2019	1,300
20 Ogos 2019	6,900
Jumlah	11,700

Tempoh Kelayakan akan bermula pada 8 Ogos 2019, di mana permintaan penebusan Perkhidmatan Limosin untuk satu (1) Perkhidmatan Limosin mesti dibuat selewat-lewatnya pada 7 September 2019, dengan minimum tiga (3) hari perniagaan sebelum tarikh Perkhidmatan Limosin.

4. Transaksi-transaksi berikut akan dikecualikan daripada Perbelanjaan Layak:
 - (a) Pembelian barang atau perkhidmatan di Rakan Dagang Smart\$ UOBM;
 - (b) Pemindahan Baki;
 - (c) Pelan Pembayaran Easi;
 - (d) Pelan Pembayaran Balik Ansuran 0% kadar faedah;
 - (e) Pelan Flexi-Credit;
 - (f) Transaksi runcit yang dibayar balik, dipertikaikan, tidak sah atau palsu;

- (g) Pengeluaran wang tunai;
- (h) Bayaran kepada Kerajaan;
 - (i) Alimoni dan nafkah kanak-kanak;
 - (ii) Denda oleh mahkamah, kerajaan, pihak berkuasa negeri atau pihak berkuasa tempatan;
 - (iii) Jaminan atau bayaran bon;
 - (iv) Pembayaran cukai kepada kerajaan; atau
 - (v) Bayaran kepada mana-mana jabatan kerajaan;
- (i) Transaksi petrol;
- (j) Transaksi pengangkutan;
- (k) Transaksi tambah nilai;
- (l) Bil Utiliti;
- (m) Badan-badan Amal; dan
- (n) Bayaran yuran tahunan keahlian kad, pembayaran faedah, fi pembayaran lewat, caj untuk pengeluaran tunai, Cukai Jualan dan Perkhidmatan dan apa-apa bentuk perkhidmatan/pelbagai yuran menggunakan Kad.

Perkhidmatan Limosin Tanpa Caj

5. Perkhidmatan Limosin Tanpa Caj ("Perkhidmatan Limosin") dihadkan pada Dua Ratus (200) penebusan sepanjang Tempoh Kempen atas dasar yang terdahulu, didahulukan dan tertakluk kepada ketersediaan perkhidmatan ("Kuota"). **UOBM tidak mempunyai kewajipan untuk memberitahu mana-mana Ahli Kad apabila Kuota telah dipenuhi.**
6. Sebarang Perkhidmatan Limosin tanpa caj yang tidak digunakan akan dilucuthakkan dan tidak akan dibawa hadapan sepanjang Tempoh Kempen.
7. Perkhidmatan Limosin yang disediakan oleh Roset Limousine Services Pte Ltd ("Pembekal Perkhidmatan") adalah semata-mata untuk perkhidmatan drebar. Mana-mana perkhidmatan skop seperti (tetapi tidak terhad kepada) kurier pakej dan pengangkutan barangan dan perkhidmatan lain dikecualikan daripada Perkhidmatan Limosin dalam Kempen ini
8. Pembekal Perkhidmatan tidak akan bertanggungjawab kepada Ahli Kad untuk apa-apa kerugian, kos atau ganti rugi akibat daripada penggunaan perkhidmatan tersebut.
9. Untuk menebus Perkhidmatan Limosin, Ahli Kad perlu menghubungi Pusat Hubungan UOBM pada +603 2612 3399 atau uobcustomerservice@uob.com.my dan untuk memberikan butiran berikut. Sekurang-kurangnya tiga (3) hari perniagaan sebelum tarikh perjalanan diperlukan untuk tempahan Perkhidmatan Limosin dan ia tertakluk kepada ketersediaan. Hari perniagaan bermaksud Isnin hingga Jumaat, 0900 jam hingga 1700 jam yang mengecualikan hujung minggu, cuti umum atau cuti negeri.
 - (i) Nama, Nombor Telefon dan Alamat E-mel Ahli Kad
 - (ii) Tarikh dan Masa pengambilan
 - (iii) Alamat pengambilan
 - (iv) Destinasi
 - (v) Bilangan Penumpang
 - (vi) Bilangan kerusi kanak-kanak/kerusi booster
 - (vii) Bilangan Bagasi

Setelah pengesahan Perkhidmatan Limosin, Pembekal Perkhidmatan akan menghantar e-mel kepada Ahli Kad.

10. Ahli Kad perlu menghubungi Pembekal Perkhidmatan menerusi hotline tempahan di +65 68445225 atau +65 68446226, atau melalui e-mel di reservations@rosetlimo.com untuk membuat perubahan kepada tempahan Perkhidmatan Limosin atau jika Ahli Kad tidak dapat mencari pemandu Perkhidmatan Limosin. Perubahan atau pembatalan kepada tempahan Perkhidmatan Limosin mesti dilakukan 12 jam sebelum waktu pengambilan yang dijadualkan jika tidak Perkhidmatan Limosin akan dilucuthakkan.

11. Perkhidmatan Limousin tidak boleh ditukar, tidak boleh dipindah milik, dan tiada alternatif wang tunai dan/atau Mata Ganjaran UNIRinggit ditawarkan. Ahli Kad mesti menjadi salah satu penumpang yang menggunakan Perkhidmatan Limosin. Permintaan untuk pertukaran, apa-apa penggantian tidak akan dilayan.
12. Bilangan bagasi dan/atau beg yang dibenarkan tertakluk kepada kapasiti petak bagasi kenderaan Perkhidmatan Limosin. Pembekal Perkhidmatan berhak untuk menolak permintaan Perkhidmatan Limosin jika bagasi, perabot, bagasi atau peralatan yang berlebihan melanggar piawaian keselamatan.
13. Dikawal oleh Penguasa Pengangkutan Darat Singapura, atas sebab keselamatan, semua kenderaan di Singapura mesti mempunyai kerusi kanak-kanak/kerusi booster untuk penumpang kanak-kanak di bawah 1.35m tinggi. Sebarang permintaan kerusi kanak-kanak/kerusi booster tertakluk kepada ketersediaan dan surcaj seperti yang dinyatakan dalam Jadual B. Pembekal Perkhidmatan tidak akan meneruskan Perkhidmatan Limosin jika Ahli Kad tidak meminta kerusi kanak-kanak/kerusi booster untuk mana-mana penumpang kanak-kanak yang mengiringi sebelum Perkhidmatan Limosin.
14. Perkhidmatan Limosin boleh digunakan untuk lokasi-lokasi di Singapura dan terhad kepada Satu (1) lokasi pengambilan dan Satu (1) destinasi. Pengambilan lokasi dan destinasi tambahan adalah tertakluk kepada surcaj, seperti yang dinyatakan dalam Jadual B dan patut diminta semasa pengesahan tempahan Perkhidmatan Limosin. Merokok, makan, dan minum di dalam kenderaan adalah dilarang, sekira didapati, Ahli Kad akan diminta untuk keluar dari kenderaan dengan serta-merta dan Perkhidmatan Limosin akan dilucuthakkan.
15. UOBM tidak akan bertanggungjawab untuk membayar atau memberi pampasan kepada mana-mana Ahli Kad untuk sebarang surcaj tambahan yang dikenakan daripada Perkhidmatan Limosin seperti yang dinyatakan dalam Jadual B di bawah.

Jadual B

Item	Surcaj (SGD)
Pengambilan Tengah Malam (2300 jam to 0700 jam)	15.00 per jam/pemindahan
	20.00 per jam/pemindahan (van bagasi)
Surcaj cuti (cuti umum rasmi Singapura)	Tambahan 20% daripada caj biasa
Surcaj tempoh blok. Contoh (tetapi tidak terhad kepada): Singapore Formula One, Singapore Airshow dan acara lain yang akan dimaklumkan sebelum acara tersebut	Pembekal Perkhidmatan untuk menasihati
Kerusi kanak-kanak/kerusi booster	15.00 per unit
Sanitasi / pembersihan disebabkan oleh pengotoran kenderaan Contoh (tetapi tidak terhad kepada): Muntah, tumpahan cair, dll.	150.00
Pengambilan lokasi dan destinasi tambahan	Pembekal Perkhidmatan untuk menasihati
Yuran kemasukan / bayaran kemasukan. Contoh (tetapi tidak terhad kepada): Kemasukan ke Pulau Sentosa, dll.	Caj yang dikenakan

Kadar yang dinyatakan di atas adalah tertakluk kepada perubahan. Kadar terkini akan dimaklumkan dalam pengesahan e-mel Pembekal Perkhidmatan seperti yang dinyatakan dalam Klausa 9. **Semua harga dalam jadual adalah dalam Dolar Singapura (SGD) dan tertakluk kepada GST.**

16. Ahli kad mesti hadir di lokasi pick up yang ditetapkan dalam masa menunggu seperti yang dinyatakan dalam Jadual C di bawah. Sekiranya ahli kad tidak hadir di lokasi pengambilan yang ditetapkan dan/atau masa tunggu telah dilebihi, pemandu Perkhidmatan Limosin akan dilepaskan dan Perkhidmatan Limosin akan dilucuthakkan.

Jadual C

Jenis Perkhidmatan Limosin	Masa Menunggu
Pemindahan ketibaan lapangan terbang	60 minit dari waktu mendarat penerbangan
Pemindahan ketibaan bukan penerbangan	20 minit dari waktu pengambilan yang dijadual
Pemindahan bukan ketibaan	20 minit dari waktu pengambilan yang dijadual

17. Ahli Kad izin dan setuju dengan Pembekal Perkhidmatan dan entiti, afiliasi, anak syarikatnya serta wakilnya dan/atau ejennya untuk menggunakan apa-apa data peribadi yang diperolehi seperti nama, alamat, nombor telefon dan alamat e-mel untuk, tetapi tidak terhad kepada, penyampaian yang memuaskan dan pemenuhan perkhidmatan yang disebutkan, pengemaskinian maklumat produk dan harga serta pengumuman rasmi yang lain berkaitan kempen ini sahaja.
18. UOBM mengekalkan hak untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini secara keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila masa dengan pemberian notis terdahulu. Untuk mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan Perkhidmatan Limosin ini oleh UOBM tidak akan membenarkan Ahli Kad untuk melakukan sebarang tuntutan atau pampasan terhadap UOBM ke atas sebarang dan semua kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Pemegang Kad sama ada secara langsung atau tidak langsung akibat daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan sedemikian, melainkan jika timbul daripada kecuaiannya atau salah laku yang sengaja oleh UOBM berkaitan dengan Kempen.
19. Perkhidmatan Limosin disediakan sepenuhnya oleh Pembekal Perkhidmatan. UOBM tidak bertanggungjawab bagi apa-apa perbuatan, peninggalan, mungkir atau kerosakan oleh Pembekal Perkhidmatan dalam perkhidmatan yang ditawarkan. UOBM bukan ejen daripada Pembekal Perkhidmatan. Apa-apa pertikaian mengenai kualiti atau standard perkhidmatan mestilah diselesaikan secara terus dengan Pembekal Perkhidmatan. UOBM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kecederaan, kerugian atau kerosakan yang dialami akibat daripada penebusan atau penggunaan perkhidmatan yang disediakan oleh Pembekal Perkhidmatan. UOBM tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kejadian yang tidak diduga seperti kelewatan, kesesakan lalu lintas yang tidak dijangka, bencana alam atau apa-apa kejadian yang akan mempengaruhi operasi perniagaan biasa daripada pembekal perkhidmatan.
20. UOBM mempunyai hak untuk melucuthakkan Perkhidmatan Limosin sekiranya terdapat pembalikan transaksi Perbelanjaan Layak atau penamatan Kad Ahli Kad semasa Tempoh Kempen atau tidak mematuhi atau melanggar terma dan syarat ini, terma dan syarat dalam Terma dan Syarat Kad Visa Infinite UOBM dan Perjanjian Ahli Kad dengan notis terlebih dahulu tanpa memberi sebarang sebab.

Terma dan Syarat Umum

21. Dengan menyertai Kempen ini, Ahli Kad bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini termasuk apa-apa pindaan dan / atau perubahan kepadanya dan terma-terma dan syarat dalam Terma dan Syarat Kad Visa Infinite UOBM dan Perjanjian Ahli Kad.
22. Rekod transaksi yang dikekalkan oleh UOBM dan keputusan UOBM dalam semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas Ahli Kad. UOBM tidak bertanggungjawab untuk memberi sebarang sebab atau melayan sebarang surat-menyurat dengan mana-mana orang di mana-mana perkara yang berkaitan dengan kempen. Sebarang rayuan dan/atau surat-menyurat daripada Ahli Kad atau mana-mana pihak ketiga tidak akan dilayan.
23. UOBM tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran bukti transaksi penjualan oleh Visa International Incorporated, MasterCard Worldwide, pertubuhan pedagang, pihak pos atau telekomunikasi atau lain-lain pihak yang mungkin mengakibatkan Ahli Kad tidak layak menerima ganjaran dalam Kempen ini.

24. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, UOBM secara jelas mengecualikan dan menafikan sebarang perwakilan, waranti atau pengendorsan, sama ada tersurat atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa terhad kepada apa-apa yang diterbitkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, sebarang jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu berkenaan dengan Kempen ini.
25. UOBM tidak bertanggungjawab untuk sebarang salah tafsir atau salah nyataan fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkenaan dengan Kempen yang ditawarkan dan diterbitkan dalam mana-mana bahan-bahan media, pemasaran atau pengiklanan.
26. UOBM dan Pembekal Perkhidmatan tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menanggung sebarang liabiliti dalam apa jua bentuk yang dialami oleh Ahli Kad dan/atau pihak ketiga secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen ini.
27. Jika terdapat sebarang percanggahan antara terma dan syarat ini dengan sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain yang berkaitan dengan Kempen ini, terma dan syarat ini akan digunakan.
28. UOBM berhak untuk menambah, memadam, atau mengubah terma dan syarat Kempen ini, dari semasa ke semasa, secara keseluruhan atau sebahagian, dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu kepada Ahli Kad melalui paparan di laman web UOBM, memaparkan notis di cawangan UOBM dan/ atau dalam Penyata Akaun dan / atau apa-apa cara lain sebagaimana yang ditentukan oleh UOBM dari semasa ke semasa.
29. Terma dan Syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia.

-TAMAT-